

► Tatabahasa

Baca petikan di bawah ini. Betulkan kesalahan frasa yang bercetak tebal dalam petikan tersebut. **SP 56.1**

Daripada	eshahhakimi@gmail.com
Kepada	andrew@gmail.com

Salam sejahtera buat sahabatku, Andrew.

Saya ingin mengucapkan tahniah kerana kamu telah memenangi anugerah peminato **paling terbaik** pada peringkat daerah. Saya **paling gembira sekali** dengan pencapaian kamu.

Saya telah menonton video kamu di YouTube. Video itu mendapat **terbanyak sekali** tanda suka daripada penonton. Saya **betul kagum** dengan kepetahan dan kelancaran kamu ketika bertutur dalam bahasa Melayu walaupun kamu bukan berbangsa Melayu. Kamu dapat menyampaikan hujah-hujah dengan **sungguh lantang sangat**.

Saya yakin bahawa keluarga, guru-guru, dan rakan-rakan kamu **benar bangga** dengan kamu. Saya berharap agar kamu dapat meneruskan kecemerlangan kamu pada masa hadapan. Saya juga berdoa semoga kita dapat bertemu dalam e-mel yang lain.

Daripada,
Eshal Hakimi

Ingat

- Kata penguat hanya boleh digunakan sama ada sebelum atau selepas kata adjektif.
- Contoh:
 - ✗ Iqbal murid yang **paling rajin sekali** di dalam kelasnya.
 - ✓ Iqbal murid yang **paling rajin** di dalam kelasnya.
 - ✓ Iqbal murid yang **rajin sekali** di dalam kelasnya.
- Kata adjektif yang mempunyai imbuhan 'ter-' tidak perlu disertai kata penguat kerana kata adjektif itu sendiri telah membawa maksud 'paling'.
- Contoh:
 - ✗ Rekaan Fadli ialah rekaan **paling terbaik** dalam pertandingan reka cipta itu.
 - ✓ Rekaan Fadli ialah rekaan **terbaik** dalam pertandingan reka cipta itu.
- Kata penguat belakang seperti 'benar', 'nian', dan 'sekali' hanya boleh hadir di belakang kata adjektif.
- Contoh:
 - ✗ Kami **benar kagum** akan keunikan hasil kraf tangannya.
 - ✓ Kami **kagum benar** akan keunikan hasil kraf tangannya.

Kesalahan	Pembetulan
1 paling terbaik	
2 paling gembira sekali	
3 terbanyak sekali	
4 betul kagum	
5 sungguh lantang sangat	
6 benar bangga	